



TATACARA

PEMROSESAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) NEGERI TERENGGANU **KATEGORI B**



PLANMalaysia Terengganu
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning Beyond Conventional

© Hak Cipta Terpelihara

Tiada mana-mana bahagian dalam dokumen ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah PLANMalaysia Terengganu

Edisi Tahun 2024

Diterbitkan di Malaysia oleh:

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu)

(PLANMalaysia Terengganu)

Tingkat 3 dan 4, Wisma Negeri,

20646 Kuala Terengganu

Terengganu Darul Iman.

PEMBERITAHUAN

Tatacara Pemprosesan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan (SIA Kategori B) Negeri Terengganu telah dipersetujui oleh **Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Terengganu Bilangan 1 Tahun 2024 (JPN Bil.1/2024)** pada **30 April 2024** untuk digunapakai dan telah diluluskan oleh **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Terengganu Bil. 19/2024** bertarikh **12 Jun 2024**.

SENARAI KANDUNGAN

Bab 01

PENGENALAN	01
1.1 Tujuan	01
1.2 Definisi Penilaian Impak Sosial	02
1.3 Prinsip Penilaian Impak Sosial	02
1.4 Faedah Penyediaan Penilaian Impak Sosial	03
1.5 Laporan Penilaian Impak Sosial	04
1.6 Pihak Menyedia dan Mengemukakan Laporan Penilaian Impak Sosial	04

Bab 02

PEWARTAAN DAN PENERIMAPAKAIAN AKTA A1522 DI NEGERI TERENGGANU	05
--	-----------

Bab 03

KATEGORI SIA	05
3.1 SIA Kategori A	06
3.2 SIA Kategori B	07

Bab 04

PENILAIAN LAPORAN SIA	12
4.1 Panel Penilai Laporan SIA	12
4.2 Peranan Ahli Mesyuarat Panel Penilaian Laporan SIA	13

Bab 05

PROSEDUR PEMROSESAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) KATEGORI B NEGERI TERENGGANU	15
5.1 Pengemukakan Laporan SIA	15
5.2 Penerimaan Laporan SIA Di Peringkat PLANMalaysia Terengganu Untuk Semakan Awalan Format Laporan	15
5.3 Edaran Laporan SIA Yang Lengkap Kepada Panel Penilai SIA	15
5.4 Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA	16
5.5 Pemakluman Keputusan Mesyuarat Panel Penilai SIA Kepada Penggerak Projek/ Perunding SIA	17
5.6 Tempoh Sah Kelulusan Laporan SIA	17

PENUTUP	18
----------------	-----------

SENARAI KANDUNGAN

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Jenis Pembangunan Di Bawah SIA Kategori B	08
Jadual 1.2	Ahli Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Kategori B	12
Jadual 1.3	Peranan Ahli Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Kategori B	13

SENARAI RAJAH

RAJAH 1.1	Prosedur Penilaian Laporan SIA Kategori B	14
-----------	---	-----------

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Format Laporan Penilaian Impak Sosial
Lampiran B	Senarai Semak Laporan Penilaian Impak Sosial
Lampiran C	Senarai Maklumat Asas Projek Pembangunan

SINGKATAN KATA

SIA	Penilaian Impak Sosial (Social Impact Assessment)
PPSIA	Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan
LPBM	Lembaga Perancang Bandar Malaysia
MSIA	Pertubuhan Penilaian Impak Sosial Malaysia (Malaysian Association of Social Impact Assessment)
MIP	Pertubuhan Perancang Malaysia (Malaysian Institute of Planners)
SIMP	Pelan Pengurusan Impak Sosial (Social Impact Management Plan)
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JPN	Jawatankuasa Perancang Negeri
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
MMKN	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
KM	Kebenaran Merancang
MPFN	Majlis Perancang Fizikal Negara
FGD	Perbincangan Kumpulan Berfokus (Focus Group Discussion)

1.0 PENGENALAN

1.1 Tujuan

Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Bagi Projek Pembangunan (SIA Kategori B) ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan serta rujukan kepada penggerak projek, perunding SIA dan semua pihak berkepentingan yang terlibat di dalam penyediaan Laporan SIA. Ianya merangkumi prinsip dan faedah SIA, keanggotaan panel penilai SIA dan peranannya, jenis-jenis projek pembangunan yang tertakluk kepada SIA Kategori B di Negeri Terengganu serta prosedur penilaian Laporan SIA.

Penyediaan tatacara ini adalah berpandukan kepada Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (PPSIA) Bagi Projek Pembangunan yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Ibu Pejabat yang telah memperincikan langkah-langkah penyediaan SIA serta proses pemantauan SIA mengikut peringkat pelaksanaan projek. Berdasarkan panduan pelaksanaan SIA tersebut, Laporan SIA perlu disediakan pada peringkat awal projek pembangunan bagi memastikan semua impak sosial dan perubahan sosial yang dijangka terhasil daripada sesuatu cadangan pembangunan dapat dikenalpasti. Seterusnya, langkah-langkah mitigasi diambil kira dalam cadangan tersebut dan pelan pengurusan impak sosial perlu dirangka khususnya bagi memastikan jangkaan impak sosial sama ada positif dan negatif terhadap persekitarannya dapat dikurangkan serta dapat diurus dengan baik.

Sehubungan itu, penyediaan Laporan SIA bagi projek pembangunan dilihat sebagai satu mekanisme yang menekankan aspek kemanusiaan dalam proses pembangunan yang melibatkan penyertaan komuniti bagi mengenalpasti isu yang dihadapi dan aspirasi komuniti setempat. Ini secara tidak langsung dapat membantu dalam proses pembentukan bandar sejahtera serta kelangsungan kehidupan masyarakat yang selamat dan berkualiti.

1.2 Definisi Penilaian Impak Sosial

SIA didefinisikan sebagai satu proses menganalisis, memantau dan mengurus impak positif mahupun negatif, sama ada yang dijangka atau di luar jangkaan serta proses-proses perubahan sosial hasil daripada pelaksanaan sesuatu dasar, program, pelan atau projek.

(International Principles of Social Impact Assessment, 2015)

1.3 Prinsip Penilaian Impak Sosial

Prinsip-prinsip asas di dalam SIA adalah meliputi aspek seperti berikut:


- Kesaksamaan dijadikan sebagai asas pertimbangan pembangunan.
- Sebarang cadangan pembangunan diubahsuai bagi mengurangkan impak sosial negatif dan meningkatkan impak positif.
- SIA harus melibatkan semua peringkat projek pembangunan dari peringkat awal perancangan sehingga peringkat operasi.
- Pengetahuan dan pengalaman serta perbezaan nilai budaya setempat hendaklah diterapkan di dalam penilaian yang dijalankan.
- Sekiranya terdapat impak sosial yang tidak dapat dielakkan, maka langkah bersesuaian perlu dikenal pasti bagi memastikan komuniti terjejas mendapat manfaat. Perlu ada fokus kepada kemampanan sosial di mana dengan adanya SIA dapat menyumbang kepada penentuan opsyen pembangunan yang optimum.
- SIA hendaklah mengambil kira alternatif bagi cadangan pembangunan, terutamanya pembangunan yang melibatkan impak negatif yang tidak dapat dielakkan.
- Pertimbangan sepenuhnya perlu diberi kepada langkah mitigasi impak sosial, walaupun komuniti setempat bersetuju dengan cadangan pembangunan yang telah dirancang.
- Faktor pengukuhan modal insan bagi komuniti setempat perlu diberikan perhatian.

1.4

Faedah Penyediaan Penilaian Impak Sosial

Penyediaan SIA adalah untuk memberi fokus kepada kemampunan sosial, disamping memupuk penggerak projek menjadi rakan kepada komuniti di dalam menerapkan perubahan sosial positif bagi meningkatkan kesejahteraan sesuatu komuniti khususnya mereka yang terpinggir, terabai dan kumpulan yang kurang bernasib baik di dalam komuniti.

Faedah-faedah yang diperolehi hasil daripada penyediaan Laporan SIA adalah seperti berikut.



Penyediaan Laporan SIA di peringkat projek pembangunan merupakan alat untuk membuat keputusan (*decision making tool*) bagi membantu pihak kerajaan negeri dan tempatan membuat keputusan yang lebih berkesan bagi memastikan isu-isu sosial dapat ditangani yang meliputi impak sosial serta proses perubahan sosial yang terhasil daripada sesuatu projek pembangunan.

1.5 Laporan Penilaian Impak Sosial

Laporan SIA disediakan bagi memastikan pertimbangan sosial dijadikan komponen penting di dalam maklumat perancangan dan kelulusan sesuatu projek pembangunan. Penyediaan laporan ini juga perlu disediakan seiring dengan proses merancang dan merekabentuk pelan cadangan susunatur pembangunan. Dapatan kajian melalui sesi penglibatan bersama komuniti digunakan dalam memilih alternatif susunatur terbaik sebelum cadangan reka bentuk pembangunan dimuktamadkan.

Laporan SIA yang disediakan perlu merujuk kepada Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial bagi Projek Pembangunan yang disediakan oleh PLANMalaysia Ibu Pejabat serta hendaklah disediakan di dalam Bahasa Melayu yang mana merupakan bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu.

1.6 Pihak Menyedia dan Mengemukakan Laporan Penilaian Impak Sosial

Orang yang berkelayakan menyediakan Laporan SIA adalah terhad kepada perunding SIA yang **berdaftar dengan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) atau Malaysian Association of Social Impact Assessment (MSIA)** serta **mempunyai pengalaman lebih 10 tahun** dalam bidang analisis impak dan **5 tahun** dalam penyediaan Laporan SIA. Di samping itu, individu tersebut juga perlu menghadiri kursus kompetensi dengan jayanya dan lulus modul penilaian kursus kompetensi yang diselenggarakan oleh PLANMalaysia

2.0 PEWARTAAN DAN PENERIMAPAKAIAN AKTA A1522 DI NEGERI TERENGGANU

Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Bil 3/2017 yang bersidang pada 21 November 2017 telah bersetuju terhadap pewartaan dan penerimapakaian Akta A1522 di Negeri Terengganu. Mesyuarat JPN juga bersetuju dengan pelantikan panel penilai SIA yang terdiri daripada ahli pakar SIA daripada Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Pertubuhan Penilaian Impak Sosial Malaysia (MSIA), ahli akademik dari Institusi Pelajaran Tinggi Awam (IPTA) dan ahli Jawatankuasa Panel Penilai Laporan SIA sebagaimana di Jadual 1.2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu Bil 3/2018 pada 17 Januari 2018 seterusnya telah meluluskan penerimaan, pemakaian serta pewartaan Akta A1522 di peringkat Negeri Terengganu berkuat kuasa pada 1 Januari 2019. Akta ini telah diwartakan pada 11 April 2019.

3.0 KATEGORI SIA

Pembangunan fizikal yang dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kualiti taraf hidup penduduk termasuk peningkatan sumber pendapatan, taraf pekerjaan dan pendidikan. Kepesatan pembangunan juga berpotensi menjana impak sosial yang berbeza berdasarkan kuantum, jenis dan skala pembangunan, perletakan kawasan pemajuan, kesediaan petempatan berhampiran dan sebagainya. Sehubungan itu, penilaian impak sosial perlu disediakan bagi memastikan sebarang isu sosial yang dijangka dan tidak dijangka terhasil pada peringkat pra pembinaan, pembinaan dan operasi dapat ditangani dan seterusnya langkah-langkah mitigasi dapat dikenalpasti bagi menjamin kesejahteraan masyarakat.

Jenis pembangunan yang tertakluk kepada penyediaan Laporan SIA boleh dikategorikan sebagaimana berikut :

3.1 SIA Kategori A

SIA Kategori A meliputi projek pembangunan di bawah seksyen 20B dan subseksyen 22(2A), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) iaitu pembangunan yang perlu mendapat nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN). Antaranya adalah projek penebusgunaan pinggir laut, infrastruktur utama negara seperti lapangan terbang, pelabuhan, rangkaian pengangkutan keretapi, lebuh raya, kemudahan utama, perbandaran baharu serta infrastruktur lain berkepentingan negara (PPSIA Bagi Projek Pembangunan, 2023, PLANMAlaysia). Laporan SIA disenaraikan sebagai dokumen yang perlu disediakan bagi dokumen sokongan ke MPFN.



3.2 SIA Kategori B

Projek pembangunan di bawah SIA Kategori B merupakan projek yang mempunyai impak ketara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Laporan SIA terperinci perlu disediakan terlebih dahulu sebelum pemohon mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang (KM). Laporan SIA tersebut disediakan secara berasingan dari Analisis Impak Sosial (AIS) yang terdapat di dalam Laporan Cadangan Pemajuan (LCP).

Laporan SIA perlu dikemukakan kepada PLAN Malaysia Negeri selaku pihak urusetia untuk di bawa ke Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA bagi membincangkan laporan dan ulasan-ulasan teknikal yang berkaitan untuk proses kelulusan Laporan SIA. Keputusan penilaian SIA hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai sebahagian syarat kelulusan KM. Jenis pembangunan yang tertakluk di bawah Kategori B adalah seperti di **Jadual 1.1**



Jadual 1.1 : Jenis Pembangunan di Bawah SIA Kategori B

BIL	KATEGORI	JENIS PEMBANGUNAN	CIRI-CIRI PEMBANGUNAN
1.	Perindustrian	Kawasan Perindustrian	<ul style="list-style-type: none"> • Industri berat dan sederhana yang boleh menghasilkan pencemaran bau, asap, bunyi dan sebagainya dengan terdapat di sekitarnya petempatan-petempatan yang dikhuatiri boleh menjejaskan kualiti persekitaran hidup termasuk terdedah kepada keselamatan dan bahaya (letupan, kebakaran atau kebocoran) serta kacau ganggu akibat kegagalan teknikal atau kecuaiian manusia; • Taman industri baharu; • Pembangunan tambahan industri yang melebihi 5 ekar dari kawasan sedia ada atau kapasiti semasa; dan • Jenis industri pemprosesan
	Industri Lain		<ul style="list-style-type: none"> • Semua jenis ladang solar, dan • Industri perkapalan yang memberi kesan kepada nelayan dan aktiviti nelayan setempat.
	Perlombongan	I. Semua jenis perlombongan; II. Termasuk semua jenis pecahan batu; dan III. Kuari.	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat di sekitarnya petempatan-petempatan yang dikhuatiri boleh menjejaskan kualiti persekitaran hidup termasuk terdedah kepada keselamatan dan bahaya; • Kawasan perlombongan baharu yang berada dalam lingkungan 500 meter dari kawasan perumahan sedia ada; dan • Pengorekan sumber mineral berskala melebihi 10 hektar di luar zon industri atau 500m daripada kawasan kediaman.
	Loji dan Pusat Penapisan Minyak dan Gas (O&G)	Loji dan pusat penapisan minyak dan gas	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat penapisan minyak dan gas baharu; • Sebarang pindaan dan tambahan yang melibatkan perubahan kapasiti pengeluaran / kawasan melebihi 5 ekar. • Terdapat di sekitarnya petempatan-petempatan yang dikhuatiri boleh mengalami kualiti persekitaran hidup terjejas termasuk terdedah kepada keselamatan dan bahaya seperti pengeluaran asap, letupan dan kebocoran minyak.

BIL	KATEGORI	JENIS PEMBANGUNAN	CIRI-CIRI PEMBANGUNAN
2.	Pengurusan Sisa	I. Insinerator; II. Tapak pelupusan sisa pepejal; III. Tapak pelupusan sisa lengai; IV. Stesen pemindahan sisa pepejal; V. Pusat Pemkomposan; dan VI. Pusat Kitar Semula.	<ul style="list-style-type: none"> Semua jenis pusat pengurusan sisa pepejal dan insinerator. Cadangan tapak baru dan perluasan tapak sedia ada (tambahan melebihi 50% daripada keluasan asal).
3.	Infrastruktur dan Utiliti	I. Laluan paip gas; II. Rentis elektrik; III. Terminal pengangkutan awam darat dan air IV. Laluan / stesen keretapi, dan V. Pelabuhan	<ul style="list-style-type: none"> Melibatkan pembinaan laluan paip dan gas; Pembinaan yang boleh menyebabkan pemecahan komuniti atau pecah tanah (severance) akibat daripada halangan fizikal; Boleh menyebabkan risiko keselamatan letupan, kebakaran atau kebocoran daripada aktiviti tersebut dan kerja kerja penyelenggaraan kepada komuniti; dan Melibatkan pengambilan balik tanah.
4.	Jalan Raya	Jalan Utama di bawah piawaian reka bentuk R4/U4 termasuk swasta dan kerajaan.	<ul style="list-style-type: none"> Jalan-jalan utama yang menghubungkan bandar-bandar dan kawasan luar bandar di dalam negeri yang melibatkan pengambilan balik tanah.
5.	Penebusgunaan Pinggir Laut	Penebusgunaan pinggir laut.	<ul style="list-style-type: none"> Penebusgunaan pinggir laut yang keluasannya kurang daripada 50 hektar. Projek-projek penebusgunaan pinggir laut bagi kawalan hakisan dan pemuliharaan pesisir pantai serta projek – projek oleh Kerajaan Negeri yang bukan bermotifkan keuntungan dikecualikan penyediaan Laporan SIA.
6.	Rumah Pekerja	Pusat penempatan pekerja (centralised labour quarters, CLQ);	<ul style="list-style-type: none"> CLQ baharu dengan bilangan pekerja melebihi 500 orang. Pembesaran CLQ sedia ada yang melibatkan jumlah bilangan pekerja melebihi 500 orang.

PENGENALAN	BIL	KATEGORI	JENIS PEMBANGUNAN	CIRI-CIRI PEMBANGUNAN
PEWARTAAN & PENERIMA PAKAIAN	7.	Komersial	I. Taman tema; II. Lot perdagangan berskala besar; III. Hypermarket/ Superstore; IV. Pangsapuri Perkhidmatan/ SOHO; V. IPTS; dan VI. Hospital Swasta.	<ul style="list-style-type: none"> • Taman tema dalam lingkungan 500m dari kawasan perumahan. • Pembangunan Taman Tema berskala besar melebihi 10 hektar; • Hypermarket dan superstore terletak dalam lingkungan kurang 1.6 km dari kawasan perumahan. • Pangsapuri Perkhidmatan/SOHO (melebihi 500unit/2,500 penduduk); • Superstore (melebihi 1,500mps hingga kurang 3,000mps); • Hypermarket (melebihi 3,001mps); • Pembangunan IPTS yang menyumbang kepada sensitiviti masyarakat sekitar; • Hospital swasta baharu – 10 ekar dan ke atas; dan • Tambahan Hospital swasta melebihi kawasan 50% dan ke atas.
KATEGORI SIA	8.	Kawasan Perkuburan (Kolumbarium) /Pembakaran Mayat (Krematorium)	I. Semua jenis perkuburan (mengikut kaum); II. Semua jenis krematorium; dan III. Semua jenis kolumbarium.	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perkuburan yang berskala besar yang menyumbang kepada sensitiviti masyarakat sekitar; • Terdapat di sekitarnya petempatan-petempatan yang dikhuatiri boleh menjejaskan kesejahteraan hidup, menjejaskan perpaduan komuniti dan lain-lain impak; • Kolumbarium tidak mengira saiz; dan • Tanah perkuburan swasta.
PENILAIAN LAPORAN SIA PROSEDUR PEMROSESAN	9.	Pertanian	I. Pertanian; • Tempat pemprosesan (kelapa sawit, getah, perikanan dan lain-lain) II. Penternakan; • Penternakan komersial berskala besar; • Rumah sembelihan.	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan projek yang berada dalam lingkungan 500 meter dari kawasan perumahan sedia ada; • Mampu menjejaskan nilai persekitaran/ kualiti estetik; • Meningkatkan bebanan infrastruktur fizikal dan menjejaskan daya huni petempatan sekitar; atau • Projek pembangunan baharu yang tiada di dalam perancangan Rancangan Pemajuan

BIL	KATEGORI	JENIS PEMBANGUNAN	CIRI-CIRI PEMBANGUNAN
10.	Pembangunan di lereng bukit.		<ul style="list-style-type: none"> • Saiz pembangunan melebihi keluasan 10 hektar ke atas. • Pembangunan di paras garisan kontur 150m dan ke atas; atau • Pembangunan di kecerunan 25 darjah dan ke atas yang terdapat di sekitarnya petempatan-petempatan yang dikhuatiri boleh mengalami kualiti persekitaran hidup terjejas.
11.	Projek-projek Kerajaan Negeri yang bukan bermotifkan keuntungan dikecualikan penyediaan Laporan SIA (Dengan pertimbangan pihak urusetia atau jawatankuasa mesyuarat).		
12.	Lain-lain projek pembangunan yang ditentukan oleh PBN dan PBT dari semasa ke semasa.		

- **Jenis dan ciri pembangunan adalah sebagai panduan dan tidak hanya tertakluk kepada apa yang disenaraikan.**

4.0 PENILAIAN LAPORAN SIA

4.1 Panel Penilai Laporan SIA

Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA untuk Kategori B melibatkan senarai ahli mesyuarat seperti yang disenaraikan di Jadual 1.2. Ahli pakar terdiri daripada 3 orang ahli yang dilantik dari kalangan ahli MSIA, MIP dan ahli akademik IPTA. Ahli mesyuarat melibatkan agensi-agensi di peringkat persekutuan, negeri, PBT. pakar-pakar industri berkaitan, badan bukan kerajaan (NGO) dan wakil penduduk yang berkepentingan serta berkaitan. Semua ahli pakar perlu mengikuti kursus kompetensi dan memperoleh sijil “Penilai dan Penyedia Berdaftar Laporan SIA Bagi Projek Pembangunan” yang diperakui oleh Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Kehadiran penggerak projek dan perunding SIA bagi projek yang berkaitan semasa mesyuarat adalah diwajibkan.

Jadual 1.2 : Ahli Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Kategori B

PENGERUSI	Pengarah PLANMalaysia Terengganu
AHLI TETAP	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
	Pejabat Pembangunan Negeri Terengganu (JPP)
	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu
	Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan (tertakluk kepada lokasi projek)
AHLI PAKAR SIA	*Ahli Pakar Penilaian Impak Sosial (wakil MIP); atau
	*Ahli Pakar Penilaian Impak Sosial (wakil MSIA); atau
	*Ahli Bidang Akademik; atau
	*Individu yang ditentukan oleh Pengarah Negeri dari masa ke semasa mengikut keperluan.
AHLI TURUT HADIR	Kementerian dan Agensi berkaitan pembangunan peringkat Persekutuan
	Agensi berkaitan pembangunan peringkat negeri / tempatan
	Pakar Industri / Ahli Majlis berkaitan (mengikut keperluan)
	Badan Bukan Kerajaan (NGO) berkaitan
URUSETIA	PLANMalaysia Terengganu

* Ahli Pakar yang telah didaftarkan sebagai Penilai dan Penyelia Berdaftar Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Bagi Projek Pembangunan dengan PLANMalaysia


4.2 Peranan Ahli Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA

Peranan ahli mesyuarat semasa sesi penilaian Laporan SIA, adalah seperti di Jadual 1.3.

Jadual 1.3 : Peranan Ahli Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Kategori B

Ahli Mesyuarat	Tumpuan Perbincangan
Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi penerangan ringkas kepada pembentangan mengenai prosedur sesi penilaian. • Memastikan perbincangan tidak terkeluar dari skop SIA. • Memastikan perbincangan di dalam parameter bidang impak sosial hasil dari cadangan projek pembangunan. • Mendengar dan mengambil kira semua pandangan ahli pakar, ahli tetap dan ahli turut hadir, dan • Membuat keputusan terhadap Laporan SIA – Sama ada melulus sepenuhnya/ lulus dengan pindaan/tolak.
Ahli Tetap dan Ahli turut Hadir	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi pandangan dan nasihat dari perspektif profesional agensi mengenai impak cadangan projek; • Mengesahkan impak pembangunan yang dikesan adalah impak sosial sebenar yang berkaitan dengan skop agensi untuk kebaikan masyarakat; dan • Memberi pandangan lain berdasarkan pengalaman profesional agensi/ahli.
Ahli Pakar SIA	<ul style="list-style-type: none"> • Membentangkan hasil penemuan semakan terhadap Laporan SIA dan menasihati pengerusi; • Memberi input kepakaran dan mencadangkan penambahbaikan ke atas Laporan SIA; dan • Memberi justifikasi/ulasan terperinci sama ada Laporan SIA tersebut wajar diberi kelulusan/lulus dengan pindaan/tolak.

Rajah 1.1 : Prosedur Penilaian Laporan SIA Kategori B



Nota :

- I. Social Impact Management Plan (SIMP) disertakan dalam pemakluman kelulusan SIA kepada PBT sebagai syarat kelulusan KM.
- II. Proses penilaian SIA yang sama akan dilalui oleh Pembangunan yang memerlukan KM dan CCC melalui rundingan di bawah seksyen 20A, Akta 172 jika berkaitan.

5.0 PROSEDUR PEMROSESAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) KATEGORI B NEGERI TERENGGANU

5.1 Pengemukakan Laporan SIA

Perunding perlu memastikan Laporan SIA yang dikemukakan adalah teratur berasaskan format laporan sepertimana **Lampiran A** dan melengkapi senarai semak Laporan SIA sebagaimana **Lampiran B**. Perunding juga perlu melengkapkan senarai maklumat asas projek pembangunan seperti **Lampiran C**. Perunding adalah digalakkan untuk membuat rundingan awal (*pre-consultation*) bagi memastikan laporan disediakan berkualiti dan mengikut format yang betul untuk dinilai oleh ahli-ahli panel penilai yang dilantik.

5.2 Penerimaan Laporan SIA Di Peringkat PLANMalaysia Terengganu Untuk Semakan Awalan Format Laporan.

Pemohon hendaklah mengemukakan **tiga (3) salinan Laporan SIA** kepada Urusetia SIA PLANMalaysia Terengganu untuk memenuhi proses semakan awalan Laporan SIA terlebih dahulu. Urus setia akan membuat semakan sama ada Laporan SIA yang disediakan memenuhi syarat atau tidak sebelum diserahkan kepada panel penilai. Laporan yang lengkap dan memenuhi senarai semak akan diedarkan kepada panel penilai mengikut jumlah salinan yang ditetapkan oleh PLANMalaysia Terengganu serta diedarkan kepada Ahli Mesyuarat dalam bentuk digital untuk semakan dan ulasan. Jika laporan yang dikemukakan tidak lengkap dan tidak memenuhi keperluan senarai semak, penggerak projek atau perunding SIA perlu membuat pindaan dan laporan perlu dikemukakan semula.

5.3 Edaran Laporan SIA Yang Lengkap Kepada Panel Penilai SIA

Laporan SIA yang lengkap dan memenuhi kehendak serta format yang ditetapkan akan diedarkan kepada ahli mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Negeri Terengganu untuk mendapatkan ulasan.

Penggerak projek atau perunding SIA perlu mengemukakan 10 **salinan laporan berserta (QR Code) yang mengandungi Laporan SIA** kepada PLANMalaysia Terengganu untuk diedarkan kepada ahli Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA bagi mendapatkan ulasan terperinci berkenaan dengan impak sosial di tapak cadangan dan kawasan sekitar cadangan projek yang akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA. Walau bagaimanapun, pihak urusetia boleh memohon jumlah laporan tambahan (jika diperlukan).

5.4 Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA

Urusetia Laporan SIA PLANMalaysia Terengganu akan mengadakan Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA yang dipengerusikan oleh Pengarah PLANMalaysia Terengganu bagi membincangkan ulasan-ulasan teknikal yang berkaitan untuk proses kelulusan laporan SIA. Penggerak projek atau perunding SIA perlu membuat pembentangan terperinci berkenaan dengan Laporan SIA yang disediakan di kawasan tapak cadangan pembangunan tersebut. Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA perlu diadakan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh Laporan SIA diterima oleh pihak urusetia.



5.5

Pemakluman Keputusan Mesyuarat Panel Penilai SIA Kepada Penggerak Projek/Perunding SIA

Urusetia panel penilai laporan SIA akan memaklumkan keputusan Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA kepada penggerak projek atau perunding SIA sama ada diluluskan, diluluskan dengan pindaan atau tolak semasa akhir mesyuarat. Surat dan minit mesyuarat berkaitan keputusan mesyuarat tersebut akan dikeluarkan kepada penggerak projek/perunding SIA

5.6

Tempoh Sah Kelulusan Laporan SIA

Tempoh kelulusan bagi Laporan SIA diberi **selama dua (2) tahun**. Permohonan bagi lanjutan atau memperbaharui kelulusan SIA boleh dibuat oleh penggerak projek sekiranya sebarang aktiviti pembinaan masih belum dimulakan dalam tempoh kelulusan SIA. **Pelanjutan Kelulusan Laporan SIA selama satu (1) tahun** boleh dipertimbangkan oleh PLANMalaysia Terengganu. Penggerak projek perlu memastikan tiada impak sosial baharu yang signifikan kepada komuniti setempat dalam tempoh kelulusan diberikan sehingga kelulusan Laporan SIA luput.

Sekiranya komponen, susun atur atau reka bentuk projek berubah dengan ketara, PLANMalaysia Terengganu boleh memohon penggerak projek untuk mengemukakan Laporan SIA baharu untuk mendapatkan pertimbangan semula. Permohonan terhadap perlanjutan kelulusan laporan perlu dibuat sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh luput kelulusan yang telah diberikan.

6.0 PENUTUP

Tatacara Pemprosesan Laporan SIA bagi Projek Pembangunan Negeri Terengganu (SIA Kategori B) ini disediakan untuk menjadi panduan dan rujukan kepada penggerak projek/perunding SIA dan semua pihak yang berkepentingan di dalam menyediakan Laporan SIA Kategori B. Manakala, panel penilai Laporan SIA pula dapat menilai langkah mitigasi yang dikemukakan termasuklah impak-impak ketara dan tidak ketara bagi projek pembangunan serta *Social Impact Management Plan (SIMP)* mengikut format yang telah ditetapkan.

Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh berhubung dengan Urusetia Panel Penilai SIA di Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Terengganu (PLANMalaysia Terengganu).



**FORMAT &
SENARAI SEMAK
LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA)**



FORMAT LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL

Isi Kandungan Laporan SIA

Isi kandungan Laporan SIA perlu mengikut aturan berikut:

- Deklarasi Penggerak Projek Deklarasi Perunding
- Ringkasan Eksekutif dalam Dwi-Bahasa
- Bab 1 : Pengenalan
- Bab 2 : Pernyataan Keperluan Projek
- Bab 3 : Maklumat Projek.
- Bab 4 : Pembidangan.
- Bab 5 : Sosio-ekonomi, Demografi dan Guna tanah.
- Bab 6 : Penglibatan Awam.
- Bab 7 : Potensi Impak Sosial dan Langkah-Langkah Mitigasi.
- Bab 8 : Pelan Pengurusan Impak Sosial.
- Bab 9 : Kesimpulan.
- Rujukan.
- Lampiran.

BAB 1 – PENGENALAN

Bab 1 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- Nama projek serta penerangan ringkas berkaitan projek (lokasi, saiz);
- Maklumat asas tentang penggerak projek (Contoh: Nama orang yang boleh dihubungi, alamat, no. telefon dan alamat e-mel);
- Maklumat asas perunding (Nama syarikat, nama individu yang boleh dihubungi, alamat, no. telefon dan alamat e-mel); dan
- Nyatakan kategori SIA bagi projek ini dan kaitan dalam konteks perundangan sama ada ia tertakluk di bawah seksyen 20B atau subseksyen 22(2A) Akta 172.

BAB 2 – KENYATAAN KEPERLUAN PROJEK (*STATEMENT OF NEED*)

Bab 2 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- Pernyataan keperluan projek (*Statement of Need*);
- Nyatakan kenapa projek berkenaan adalah penting untuk masyarakat dan negara/negeri; dan
- Nyatakan dengan jelas bagaimana pelaksanaan projek adalah selari dasar antarabangsa, negara, wilayah, negeri dan tempatan. Rujukan perlu dibuat dengan dasar-dasar utama seperti *Sustainable Development Goals*, Rancangan Fizikal Negara, Pelan Wilayah atau Koridor, Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan.

BAB 3 – MAKLUMAT PROJEK

Bab 3 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- Opsyen projek. Nyatakan dengan jelas bagaimana proses penilaian opsyen-opsyen projek dan pemilihan opsyen projek yang optimum dijalankan. Nyatakan juga kriteria-kriteria yang diambil kira dalam menentukan opsyen projek yang optimum. Contoh aspek yang diambil kira dalam perancangan projek adalah seperti aspek kejuruteraan dan reka bentuk, sosial, alam sekitar, geoteknikal, ekonomi dan trafik;
- Keterangan terperinci berkenaan projek yang dicadangkan termasuk asas perancangan, pelan susun atur, komponen projek dan sebagainya;
- Penerangan tentang komponen-komponen projek dan aktiviti-aktiviti utama di sepanjang peringkat projek iaitu di peringkat pra-pembinaan, pembinaan dan operasi;
- Kaedah pembinaan. Nyatakan kaedah-kaedah pembinaan yang diguna pakai dalam projek; dan
- Garis masa pelaksanaan projek

BAB 4 – PEM BIDANGAN (SCOPING)

Bab 4 perlu mengandungi penjelasan tentang proses pembidangan:

- Kenal pasti impak awalan. Nyatakan kaedah-kaedah yang telah diguna pakai dalam menentukan impak awalan. Jelaskan impak-impak awalan yang telah dikenal pasti dalam pelaksanaan projek pada peringkat-peringkat projek;
- Kenal pasti Zon Pengaruh (ZOI) . Jelaskan tentang asas yang diguna pakai dalam menentukan ZOI. Sertakan rajah yang jelas bagi menunjukkan bentuk ZOI tersebut;
- Kenal pasti pihak berkepentingan. Jelaskan tentang pihak berkepentingan yang telah dikenal pasti; dan
- Kenal pasti kaedah penglibatan awam. Nyatakan kaedah-kaedah penglibatan awam yang diguna pakai bagi kajian SIA dan terangkan tentang teknik atau metodologi persampelan kaji selidik, teknik *focus group discussion* (FGD) dan temu bual sekiranya berkaitan.

BAB 5 – SOSIO-EKONOMI, DEMOGRAFI DAN GUNA TANAH

Bab 5 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- Huraian tentang lokaliti sosial di sekitar tapak projek. Perlu disertakan rajah yang jelas menunjukkan lokasi serta sempadan tapak projek dan kawasan-kawasan di sekeliling tapak projek;
- Maklumat berkaitan jumlah penduduk atau isi rumah, komposisi kaum, kumpulan umur, latar belakang pendidikan, jenis pekerjaan dan taraf ekonomi (miskin tegar, B40, M40 atau T20);
- Analisis guna tanah juga perlu diperjelaskan dengan maklumat seperti komposisi atau peratusan guna tanah sedia ada dan masa hadapan;
- Pembangunan komited di sekitar tapak projek. Sertakan gambar rajah yang jelas bagi menggambarkan guna tanah di dalam kawasan ZOI; dan
- Kawasan sensitif sosial.

BAB 6 – PENGLIBATAN AWAM

Bab 6 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- Dapatan hasil analisis yang dijalankan terhadap data yang diperoleh daripada sesi- sesi penglibatan awam sama ada kaji selidik, FGD, temu bual atau bengkel; dan
- Rumusan dari sesi penglibatan awam yang menyatakan input-input utama serta kerisauan utama dari pihak berkepentingan.

BAB 7 – POTENSI IMPAK SOSIAL DAN LANGKAH-LANGKAH MITIGASI

Bab 7 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- Kaedah jangkaan impak yang diguna pakai;
- Penerangan mengenai potensi impak-impak sosial sewaktu di peringkat pra-pembinaan, pembinaan dan operasi. Impak-impak perlu dikaitkan kepada penerima impak dan lokasi secara spesifik;
- Penerangan berkenaan serta penilaian keketaraan impak; dan
- Langkah-langkah mitigasi yang praktikal dan relevan bagi setiap impak yang dikenal pasti perlu diperincikan.

BAB 8 – PELAN PENGURUSAN IMPAK SOSIAL

Bab 8 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- Organisasi pelaksanaan;
- Mekanisme pelaksanaan;
- Rangka kerja pemantauan;
- Sistem pengurusan rungutan;
- Pelan tindakan kecemasan; dan
- Rangka kerja pelaporan dan audit (jika ada).

BAB 9 – KESIMPULAN

Bab 9 perlu merumus dan membuat kesimpulan yang tepat dan padat berkenaan SIA yang telah dijalankan untuk cadangan projek pembangunan.

LAMPIRAN

Lampiran boleh mengandungi maklumat atau rujukan yang menyokong laporan utama atau mengandungi maklumat-maklumat teknikal yang berkaitan. Antara lain, lampiran kepada Laporan SIA boleh terdiri dari:

- Borang soal selidik yang telah diguna pakai;
- Nota/minit mesyuarat dari sesi FGD atau bengkel atau forum awam; dan
- Surat-surat kelulusan/komen agensi dan cara-cara yang bersesuaian.

L A M P I R A N B

SENARAI SEMAK LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL

1. Senarai semak ini hendaklah digunakan oleh perunding dalam menilai Laporan SIA yang disediakan merujuk kepada bab penulisan yang dicadangkan dalam **Panduan Pelaksanaan Impak Analisis (PPSIA)**.
2. Semua maklumat yang dikongsikan dan dinilai dalam senarai semak ini mestilah tepat dan berdasarkan isu kritikal projek dan skor yang dicadangkan.
3. Penggerak projek dan perunding adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas maklumat yang diberikan/dinyatakan dalam senarai semak ini.

Bab / Tajuk

Bab 1 : Pengenalan

a. Maklumat Projek:

i. Nama Projek:

ii. Penerangan ringkas projek
(cth. Lokasi, saiz);

**Tandakan betul (✓) jika
berkenaan**

**Muka surat
Tuliskan muka surat
maklumat berkenaan**

b. Maklumat asas penggerak projek: _____

i. Syarikat Penggerak Projek:

ii. Pendaftaran Syarikat: _____

iii. Alamat:

iv. Nombor telefon: _____

v. Emel: _____

vi. Individu yang bertanggungjawab (*person-in-charge*):

Nama:

Nombor telefon: _____

Emel: _____

Bab / Tajuk

C. Maklumat Asas Perunding

- i. Syarikat Perunding: _____
- ii. Pendaftaran Syarikat (jika berkenaan): _____
- iii. Alamat:

- iv. Nombor Telefon: _____
- v. Emel: _____
- vi. Individu yang bertanggungjawab (*person-in-charge*):
 - i. Nama: _____
 - ii. Nombor telefon: _____
 - iii. Emel: _____

Bab / Tajuk	Tandakan betul (✓) pada tajuk yang telah diperincikan	Tuliskan Muka Surat tajuk yang telah diperincikan
Bab 2 : Kenyataan Keperluan Projek (<i>Statement of need</i>)		
a. Pernyataan keperluan projek;	<input type="checkbox"/>	Muka surat
b. Kepentingan projek kepada masyarakat, negeri/negara; dan	<input type="checkbox"/>	Muka surat
c. Menyenaraikan pelan pembangunan / polisi / dasar antarabangsa / negara / wilayah / negeri / tempatan yang menyokong projek pembangunan (cth. <i>Sustainable Development Goals</i> , Rancangan Fizikal Negara, Pelan Wilayah atau Koridor, Rancangan Struktur atau Rancangan Tempatan).	<input type="checkbox"/>	Muka surat
Bab 3 : Maklumat Projek		
a. Pilihan (opsyen) projek :	<input type="checkbox"/>	Muka surat
i. Huraian proses penilaian dan pemilihan opsyen projek yang optimum.	<input type="checkbox"/>	Muka surat
ii. Kriteria penilaian dalam perancangan (cth. aspek kejuruteraan dan reka bentuk, sosial, alam sekitar, geoteknikal, ekonomi, trafik dll)	<input type="checkbox"/>	Muka surat
iii. Perincian projek (termasuk asas perancangan, pelan susun atur, komponen projek dll).	<input type="checkbox"/>	
b. Huraian Komponen projek dan aktiviti utama sepanjang peringkat projek.	<input type="checkbox"/>	Muka surat
I. Pra-pembinaan:	<input type="checkbox"/>	Muka surat
II. Pembinaan: dan	<input type="checkbox"/>	Muka surat
III. Operasi.	<input type="checkbox"/>	Muka surat
c. Huraian kaedah pembinaan;	<input type="checkbox"/>	Muka surat
d. Garis masa pelaksanaan projek.	<input type="checkbox"/>	Muka surat

Bab / Tajuk	Tandakan betul (✓) pada tajuk yang telah diperincikan	Tuliskan Muka Surat tajuk yang telah diperincikan
Bab 4 : Pembidangan (Scoping)		
a. Kenal pasti impak awalan dan kaedah yang diguna pakai bagi setiap fasa projek pembangunan:		
I. Pra-pembinaan	<input type="checkbox"/>	Muka surat
II. Pembinaan: dan	<input type="checkbox"/>	Muka surat
III. Operasi.	<input type="checkbox"/>	Muka surat
b. Kenal pasti Zon Pengaruh:		
I. Asas/ justifikasi jarak Zon Pengaruh: dan	<input type="checkbox"/>	Muka surat
II. Rajah bentuk Zon Pengaruh	<input type="checkbox"/>	Muka surat
c. Kenal pasti dan huraian mengenai pihak-pihak berkepentingan;	<input type="checkbox"/>	Muka surat
d. Kenal pasti kaedah penglibatan awam:		
I. Kaedah penglibatan awam; dan	<input type="checkbox"/>	Muka surat
II. Teknik / metodologi persampelan	<input type="checkbox"/>	Muka surat
Bab 5 : Sosio-ekonomi, Demografi dan Guna Tanah		
a. Huraian lokaliti sosial sekitar tapak projek:		
I. Rajah dan label yang jelas; dan	<input type="checkbox"/>	Muka surat
II. Lokasi dan sempadan	<input type="checkbox"/>	Muka surat
b. Analisis data sekunder;	<input type="checkbox"/>	Muka surat
c. Demografi penduduk;	<input type="checkbox"/>	Muka surat
d. Analisis guna tanah;	<input type="checkbox"/>	Muka surat
e. Pembangunan komited sekitar Kawasan projek, (disertakan dengan rajah yang jelas);	<input type="checkbox"/>	Muka surat
f. Kawasan sensitif sosial.	<input type="checkbox"/>	Muka surat

Bab / Tajuk	Tandakan betul (✓) pada tajuk yang telah diperincikan	Tuliskan Muka Surat tajuk yang telah diperincikan
Bab 6 : Dapatan Sesi Penglibatan Awam		
a. Hasil analisis sesi penglibatan awam;	<input type="checkbox"/>	Muka surat
b. Rumusan	<input type="checkbox"/>	Muka surat
Bab 7 : Potensi Impak Sosial dan Langkah Mitigasi		
a. Kaedah jangkaan impak yang digunakan;	<input type="checkbox"/>	Muka surat
b. Penerangan potensi impak kepada komuniti terkesan dan lokasi spesifik mengikut fasa projek pembangunan:		
I. Pra-pembinaan;	<input type="checkbox"/>	Muka surat
II. Pembinaan;	<input type="checkbox"/>	Muka surat
III. Operasi.	<input type="checkbox"/>	Muka surat
c. Penerangan dan penilaian keketaraan impak; dan	<input type="checkbox"/>	Muka surat
d. Langkah-langkah mitigasi bagi setiap impak yang dikenalpasti.	<input type="checkbox"/>	Muka surat
Bab 8 : Pelan Pengurusan Impak Sosial		
a. Organisasi pelaksanaan;	<input type="checkbox"/>	Muka surat
b. Mekanisma pelaksanaan;	<input type="checkbox"/>	Muka surat
c. Rangka kerja pemantauan;	<input type="checkbox"/>	Muka surat
d. Sistem pengurusan rungutan;	<input type="checkbox"/>	Muka surat
e. Pelan tindakan kecemasan; dan	<input type="checkbox"/>	Muka surat
f. Rangka kerja pelaporan dan audit (jika ada)	<input type="checkbox"/>	Muka surat
Bab 9 : Kesimpulan		
Rumusan dan Kesimpulan berkenaan Penilaian Impak Sosial (SIA) yang dijalankan.	<input type="checkbox"/>	Muka surat
Lampiran		
a. Senarai Rujukan;	<input type="checkbox"/>	Muka surat
b. Laporan kaji soal selidik dan borang soal selidik;	<input type="checkbox"/>	Muka surat
Nota/minit mesyuarat sesi penglibatan awam.		

SENARAI MAKLUMAT ASAS PROJEK PEMBANGUNAN

Tajuk Projek :	
Nama Perunding No. Telefon :	
Nama Penggerak Projek No. Telefon :	

Bil.	Perkara	Ya	Tidak	Status/Catatan
1.	Penggerak projek atau perunding SIA dimohon mendapatkan pengesahan daripada pihak PLANMalaysia Terengganu berhubung hala tuju cadangan projek pembangunan sebelum ianya diangkat untuk pertimbangan Mesyuarat Penal Penilai Laporan SIA.			
2.	Pematuhan pengezonan dalam Rancangan Struktur (RS) terkini.			
3.	Pematuhan pengezonan dalam Rancangan Tempatan (RT) terkini.			
4.	Urusan berkaitan tanah/ pengambilan tanah (jika berkaitan).			
5.	Kebenaran Merancang (KM) (Jika Berkaitan)			
6.	Keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) (Jika berkaitan).			
7.	Nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) (jika berkaitan).			
8.	Status Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA).			
9.	Lain-lain maklumat yang berkaitan bagi menyokong/ tidak menyokong cadangan projek ini.			
10.	Satu (1) salinan CD dan 10 salinan <i>hardcopy</i> Laporan SIA perlu dikemukakan.			

Kegunaan Pejabat

Pengawai Penerima:

Tarikh:

Cop Terima:

Disediakan oleh :



(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI TERENGGANU)

(PLANMalaysia Terengganu)

Tingkat 3 dan 4, Wisma Negeri,
20646 Kuala Terengganu

Tel : 09-6222444 Faks : 09-6244117